

12 FEB 2003

Aidiladha-Rangkuman

IBADAH KORBAN, SEMANGAT GOTONG-ROYONG WARNAI SAMBUTAN AIDILADHA

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Umat Islam di seluruh negara menyambut Hari Raya Aidiladha hari ini dengan mengadakan ibadah korban selepas menunaikan solat sunat Aidiladha yang disertai para pemimpin dan rakyat dari segenap lapisan.

Ibadah korban yang dilakukan bukan sahaja sebagai mengingati peristiwa korban yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail tetapi menyemarakkan semangat bergotong-royong di samping mensyukuri nikmat Allah.

Dalam keceriaan suasana berhari raya itu, tanah perkuburan turut menjadi tumpuan umat Islam yang menziarahi pusara anggota keluarga dan sanak-saudara.

Di Alor Setar, Sultan Kedah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir yang turut menjadi tumpuan kira-kira 2,000 umat Islam. Turut menunaikan solat di masjid itu ialah Raja Muda Kedah dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mengadakan rumah terbuka di Dewan Wawasan, Jitra.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menunaikan solat sunat Aidiladha bersama ratusan umat Islam di Masjid Jamek Al-Badawi di Kepala Batas.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas menyertai lebih 2,000 umat Islam menunaikan solat itu di Masjid Negeri.

Di Kuala Lumpur, umat Islam yang tidak pulang berhari raya di kampung memenuhi masjid di sekitar ibu kota sejak awal pagi untuk persiapan menunaikan solat dan melakukan ibadah korban.

Di Shah Alam, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menunaikan solat Aidiladha di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bersama-sama kira-kira 10,000 jemaah.

Baginda, yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, para anggota Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri tiba di masjid itu pada kira-kira pukul 8 pagi.

Di Ipoh, Sultan Perak Sultan Azlan Shah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri.

Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah dan Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali kini sedang menunaikan haji di Mekah.

Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah berangkat menunaikan sunat Aidiladha di Masjid Pelangai, Bentong. Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Di Johor Baharu, Tengku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Pasir Pelangi bersama lebih 1,000 orang umat Islam termasuk Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Ucapara korban membabitkan 42 ekor lembu dan kerbau dijalankan sebaik sahaja selesai solat sunat Aidiladha di beberapa buah masjid di sekitar bandar raya itu.

Di Kota Bharu, Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra dan Raja Perempuan Kelantan mendirikan solat sunat Aidiladha di Masjid Muhammadi bersama beribu-ribu masyarakat Islam tempatan.

Selepas solat pada pukul 9.15 pagi, baginda berdua berkenan menerima mengadap rakyat jelata di Istana Balai Besar sebelum menziarahi makam diraja Langgar.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengimamkan solat sunat

Aidiladha di Masjid Pulau Melaka, berdekatan rumahnya.

Sementara itu, ibadah korban di beberapa buah masjid menyaksikan sedikit kelainan apabila beberapa ekor unta turut disembelih pada kali ini.

Di Negeri Sembilan, Yang Dipertua Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar dan Tuanku Ampuan Najihah menunaikan solat Aidiladha bersama rakyat di Masjid Diraja Tuanku Munawir, Seri Menanti, Kuala Pilah.

Baginda berdua dan kerabat diraja yang lain kemudian mengadakan tahlil di Makam Diraja Seri Menanti sebelum mengadakan rumah terbuka di Istana Besar Seri Menanti.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad pula mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson.

Di Melaka, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri Toh Puan Marfuzah Sheikh Osman menyertai kira-kira 2,000 jemaah menunaikan solat Aidiladha di Masjid Tun Syed Ahmad Alhaj di Bukit Beruang.

Turut sama mengerjakan solat Aidiladha ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri Datin Seri Asmah Abdul Rahman serta kenamaan negeri yang lain.

Yang Dipertua Negeri dan Mohd Ali kemudian mengagihkan daging korban kepada penduduk di sekitar Masjid Al-Azim di Bukit Palah dalam program Korban Berkelompok Masjid Al-Azim.

Sebanyak tiga ekor unta dan 21 ekor lembu dikorbankan dalam program berkenaan.

Di Kangar, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim menunaikan solat Aidiladha di Masjid Ariffin, Padang Katong, tidak jauh dari kediaman rasminya.

Beliau kemudiannya ke Masjid Negeri di Arau untuk meraikan orang ramai pada majlis jamuan hari raya di perkarangan masjid itu.

Shahidan turut meraikan para tetamu pada majlis rumah terbuka di Kompleks Warisan di Kangar dan pusat khidmat Tambun Tulang.

Di Langkawi, Hari Raya Haji turut disambut secara sederhana dengan hampir ke semua masjid dan surau di Langkawi mengadakan ibadah korban sebaik sahaja selesai solat sunat Aidiladha.

Di Kota Kinabalu, Yang Dipertua Negeri Datuk Haji Ahmadshah Abdullah menyertai ribuan umat Islam menunaikan solat sunat Hari Raya Aidiladha di Masjid Negeri.

Yang Dipertua Negeri dan isteri Datin Hajah Masuyah Awang Japar kemudian mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri yang dihadiri pemimpin-pemimpin kerajaan negeri, pegawai kerajaan serta orang ramai.

Di Kuching, Yang dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Jamek.

Di Terengganu, Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengimamkan solat Aidiladha dan membaca khutbah raya di Masjid Rusila di Marang.

Kira-kira 1,500 jemaah hadir untuk menunaikan solat sunat raya yang berlangsung pada 9 pagi.

Sultan Mizan Zainal Abidin berada di Tanah Suci untuk mengerjakan haji.

-- BERNAMA

LIB TM AZZ MOZ